- 11.6 一旦会员籍被终止，该直销商/会员不得直接或间接参与恩莱富或其任何直销商/会员举办的任何活动。该直销商/会员也不得继续当恩莱富的直销商/会员，并且不得涉及任何不利于、足以影响及分裂或可能有损本公司形象或可能对任何其他直销商/会员或职员产生负面影响的行为。

12. 修订条文

- 12.1 恩莱富可不时修订本《准则》，恕不另行通知直销商/会员。
- 12.2 直销商/会员必需不时向恩莱富办事处查询最新版本的《准则》。

13. 赔偿

- 13.1 对于因直销商/会员的行动而致使AMLIFE蒙受或承担任何损坏或损失，该直销商/会员必需赔偿或确保恩莱富获得全额赔偿。

14. 条款与规则

- 14.1 直销商/会员必需严格遵从及遵守恩莱富的政策与程序，包括但不限于本条款与规则。
- 14.2 凡是不遵守恩莱富的政策和程序，包括但不限于本条款与规则，一律被视为违反本《准则》。



KOD TATALAKU



MUKADIMAH

Am Life International Sdn Bhd (selepas ini dirujuk sebagai “Syarikat” atau “AmLife”) yang terlibat dalam perniagaan jualan langsung dan memikul kewajipan tertentu terhadap pengguna berikutan kaedah pengedaran produk dan perkhidmatan AmLife melalui komunikasi peribadi, dengan ini menetapkan prinsip serta amalan dasar dan etika yang perlu dipatuhi oleh AmLife dan para pengedarnya ketika melaksanakan operasi perniagaan.

Kod Tatalaku ini juga dikenali sebagai KOD TATALAKU AmLife (selepas ini dirujuk sebagai “Kod”) dan akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020. Kod ini perlu dipatuhi oleh semua individu yang telah diterima sebagai ahli oleh AmLife (selepas ini dirujuk sebagai “Pegeddar atau Ahli”).

Tujuan utama Kod ini adalah untuk mentakrifkan hubungan antara AmLife dengan Pegeddar/Ahli, selain boleh dijadikan panduan untuk mengekalkan keharmonian dalam kalangan Pegeddar/Ahli. Objektif Kod ini adalah untuk:

- Menyediakan peluang yang saksama kepada Pegeddar/Ahli melalui tatalaku perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab;
- Melindungi dan membina persekitaran yang kondusif untuk perniagaan jangka panjang AmLife yang menguntungkan;
- Menggalakkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan Pegeddar/Ahli;
- Menjamin ketersediaan manfaat pelan Jualan & Pemasaran AmLife yang saksama kepada semua Pegeddar/ Ahli.

AmLife mengekalkan hak mutlaknya untuk mempraktikkan, mengubah, meminda, menambah atau membatalkan mana-mana bahagian atau keseluruhan Kod ini atas sebarang sebab tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Setiap Pegeddar/Ahli bertanggungjawab membaca, memahami, mematuhi dan memastikan bahawa mereka mengetahui dan melaksanakan operasi mengikut versi Kod yang terkini.

Sekiranya ada cubaan untuk mengelak atau bertindak secara bertentangan daripada tujuan dan nilai-nilai Kod, AmLife boleh mengambil tindakan pembetulan pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya.

Kod ini disediakan dalam tiga versi (bahasa Inggeris, Cina dan Melayu). Sekiranya berlaku percanggahan antara mana - mana versi ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.

1. Amalan Pengguna atau Perekrutan yang Menipu atau Menyalahi Undang-undang
 - 1.1 Pegeddar/Ahli tidak boleh terlibat dalam sebarang amalan pengguna atau perekrutan yang bersifat menipu, palsu, tidak beretika atau menyalahi undang-undang. Pegeddar/Ahli hendaklah memastikan agar tiada pernyataan, janji atau testimoni mereka boleh mengelirukan pengguna atau bakal Pegeddar/Ahli.
 - 1.2 Pegeddar/Ahli hendaklah mematuhi semua keperluan undang-undang. Walaupun Kod ini tidak menyenaraikan segala kewajipan di sisi undang-undang, pematuhan Pegeddar/Ahli kepada semua undang-undang yang berkenaan merupakan syarat penerimaan keahlian dan juga penyertaan berterusan sebagai ahli AmLife.
 - 1.3 Pegeddar/Ahli hendaklah melaksanakan aktivitinya dengan Pegeddar/Ahli lain melalui cara yang mematuhi Kod ini dan semua undang-undang yang berkenaan.
 - 1.4 Maklumat yang disampaikan oleh Pegeddar/Ahli kepada bakal Pegeddar/Ahli atau Pegeddar Ahli sedia ada tentang peluang serta hak dan kewajipan yang berkaitan hendaklah tepat dan lengkap. Pegeddar/Ahli tidak boleh memberi sebarang fakta yang tidak dapat disahkan atau membuat sebarang janji yang tidak dapat dipenuhi kepada bakal Pegeddar/Ahli. Pegeddar/Ahli tidak boleh membentangkan sebarang peluang jualan kepada mana-mana bakal Pegeddar/Ahli melalui cara yang bersifat palsu, menipu atau mengelirukan.
 - 1.5 Pegeddar/Ahli tidak boleh mendorong seseorang individu untuk membeli produk atau perkhidmatan berdasarkan gambaran bahawa pengguna boleh mendapat semula semua atau sebahagian daripada harga pembelian dengan memperkenalkan pengguna lain, sekiranya diskaun atau perolehan sedemikian melanggar undang-undang yang berkenaan.
 - 1.6 Pegeddar/Ahli hendaklah menghormati pengguna yang kurang pengalaman komersial. Pegeddar/Ahli tidak boleh menyalahgunakan kepercayaan pengguna, atau mengeksploitasi pengguna berdasarkan faktor umur, penyakit, kecacatan, kekurangan pemahaman atau ketidakfasihan bahasa.

- 1.6 Pengedar/Ahli hendaklah menghormati pengguna yang kurang pengalaman komersial. Pengedar/Ahli tidak boleh menyalahgunakan kepercayaan pengguna, atau mengeksploitasi pengguna berdasarkan faktor umur, penyakit, kecacatan, kekurangan pemahaman atau ketidakfasihan bahasa.

2. Produk, Perkhidmatan dan Bahan Promosi

- 2.1 Tawaran bagi sesuatu produk atau perkhidmatan yang dijual oleh Pengedar/Ahli hendaklah tepat dan benar dari segi harga, gred, kualiti, nilai, prestasi, kuantiti, mata wang, model dan ketersediaan. Semua dakwaan produk yang dibuat oleh Pengedar/Ahli hendaklah disahkan dengan bukti yang kukuh, boleh dipercayai dan tidak mengelirukan. Pesanan produk dan perkhidmatan oleh pengguna hendaklah dipenuhi dengan secepat yang boleh.
- 2.2 Pengedar/Ahli tidak boleh membuat perbandingan yang mengelirukan dengan peluang, produk atau perkhidmatan syarikat jualan langsung yang lain. Sebarang perbandingan hendaklah dibuat berdasarkan fakta secukupnya yang boleh disahkan secara objektif dengan bukti yang kukuh dan boleh dipercayai. Pengedar/Ahli tidak boleh mengkritik, sama ada secara terus-terang ataupun berselindung, mana-mana Pengedar/Ahli lain melalui cara yang menipu atau mengelirukan dan tidak boleh mengambil kesempatan daripada reputasi baik yang dikaitkan dengan jenama dan simbol AmLife.
- 2.3 Risalah promosi, iklan dan surat-menyurat tidak boleh mengandungi deskripsi produk, dakwaan, gambar atau ilustrasi yang bersifat palsu, menipu atau mengelirukan. (Risalah promosi hendaklah mengandungi nama dan alamat atau nombor telefon Pengedar/Ahli).
- 2.4 Pengedar/Ahli hendaklah memberi pengguna maklumat yang tepat mengenai harga, syarat kredit, syarat pembayaran, tempoh bertenang, termasuk dasar pemulangan, syarat jaminan, perkhidmatan selepas jualan dan tarikh penghantaran. Pengedar/Ahli hendaklah memberikan jawapan yang boleh difahami dan tepat kepada soalan pengguna. Untuk dakwaan keberkesanan produk, Pengedar/Ahli hanya boleh membuat dakwaan produk sepertimana yang dibenarkan oleh AmLife.

3. Syarat-syarat Jualan

- 3.1 Pesanan atau resit bertulis hendaklah dihantar kepada pengguna ketika atau sebelum jualan pertama dilakukan. Sekiranya jualan dilakukan melalui surat, telefon, internet atau kaedah lain yang tidak melibatkan pertemuan secara bersemuka, satu salinan borang pesanan perlu dikemukakan terlebih dahulu, disertakan dalam pesanan pertama itu, atau diberikan dalam bentuk borang yang boleh dicetak atau dimuat turun melalui laman web rasmi AmLife. Borang pesanan itu mesti menyatakan identiti Pengedar/Ahli dengan jelas, tepat dan mudah dibaca, serta mengandungi nama penuh, alamat tetap dan tindakan pembetulan yang boleh diambil oleh pengguna. Sebagai alternatif, maklumat ini mungkin diberikan bersama risalah lain yang disertakan dengan produk atau perkhidmatan berkenaan.
- 3.2 Mengikut Seksyen 23 AKTA JUALAN LANGSUNG DAN SKIM ANTI-PIRAMID 1993 (AKTA 500), Pengedar/Ahli hendaklah menawarkan tempoh bertenang yang dinyatakan dengan jelas secara bertulis. Tempoh bertenang membenarkan pengguna membatalkan pesanan pembelian dalam masa sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh transaksi pembelian dan menerima bayaran balik yang penuh untuk harga pembelian tersebut. Notis tempoh bertenang hendaklah ditulis di atas ruang yang disediakan untuk tandatangan pengguna dan ia mesti mengandungi pernyataan berikut "KONTRAK INI TERTAKLUK KEPADA TEMPOH BERTENANG SEPULUH HARI" yang dicetak dalam huruf besar, dengan font Times bersaiz lebih daripada 18 mata.
- 3.3 Pengedar/Ahli yang menawarkan hak pemulangan produk, sama ada bersyaratkan peristiwa tertentu atau sebaliknya, hendaklah melakukannya secara bertulis.

4. Pematuhan Jualan

- 4.1 Syarat-syarat bagi sebarang waranti atau jaminan yang ditawarkan oleh AmLife untuk sesuatu jualan hendaklah dimaklumkan kepada pengguna melalui cara yang mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkenaan.



- 4.2 Pengedar/Ahli tidak dibenarkan menjual/membeli sebarang produk AmLife daripada kakitangan Syarikat.
- 4.3 Pengedar/Ahli tidak boleh menjual atau mengedarkan sebarang produk lain yang serupa atau mempunyai kaitan dengan produk AmLife, sama ada produk itu diperoleh daripada mana-mana syarikat jualan langsung atau sebaliknya.
- 4.4 Pengedar/Ahli tidak boleh menghubungi atau menggunakan mana-mana syarikat lain untuk menjalankan sebarang aktiviti komersial di AmLife.
- 4.5 Pengedar/Ahli tidak boleh menggunakan produk syarikat lain lalu memperkenalkannya sebagai produk AmLife, atau terlibat dalam sebarang aktiviti jualan yang memasarkan produk AmLife bersama-sama produk syarikat lain.
- 4.6 Pengedar/Ahli tidak boleh melakukan sebarang aktiviti pengumpulan dana peribadi atas nama Syarikat atau mana-mana subsidiarinya atau rakan sekutunya.
- 4.7 Pengedar/Ahli tidak boleh mengarahkan bakal Pengedar/Ahli untuk membeli tiket dan/atau menghadiri atau menyertai perhimpunan, seminar atau mesyuarat lain, atau untuk menjual risalah, peralatan audio visual atau bahan-bahan lain.
- 4.8 Pengedar/Ahli hendaklah menjual produk AmLife pada harga runcit tanpa menurunkan atau menaikkan harga yang ditetapkan.
- 4.9 Pengedar/Ahli tidak boleh membuat pernyataan negatif atau yang bersifat memfitnah terhadap AmLife, produknya, harga dan kakitangannya, dan Pengedar/Ahli hendaklah menghormati Syarikat dan perniagaan jualan langsungnya.
- 4.10 Pengedar/Ahli tidak boleh terlibat dengan mana-mana syarikat jualan langsung yang lain, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Mereka juga tidak boleh menaja Pengedar/Ahli AmLife yang lain untuk menyertai syarikat jualan langsung yang lain.
- 4.11 Pengedar/Ahli tidak boleh menggunakan sebarang bahan pemasaran untuk menjual produk atau perkhidmatan AmLife tanpa kelulusan daripada Syarikat.
- 4.12 Pengedar/Ahli dilarang sama sekali daripada melakukan aktiviti pemasaran dalam talian untuk produk atau perkhidmatan AmLife tanpa kelulusan daripada Syarikat.
- 4.13 Pengedar/Ahli tidak boleh membungkus semula produk AmLife, mengubah kandungan produk, atau mengubah atau meminda mana-mana label pembungkusan produk AmLife.
- 4.14 Pengedar/Ahli tidak boleh berkomplot untuk mengajak atau memujuk Pengedar/Ahli lain supaya menyertai syarikat lain yang menjalankan perniagaan yang serupa dengan AmLife.
- 4.15 Pengedar/Ahli tidak boleh berkomplot dengan mana-mana individu lain untuk melanggar atau mencetuskan pelanggaran Kod atau Dasar Perniagaan AmLife, atau untuk mendorong atau cuba mendorong Pengedar/Ahli lain untuk melanggar Kod atau Dasar AmLife. Sebarang aktiviti sedemikian akan dianggap sebagai pelanggaran Kod.
- 4.16 Pengedar/Ahli tidak boleh mengajak atau memujuk mana-mana Pengedar/Ahli bukan tajaannya untuk menjual atau membeli produk atau perkhidmatan lain selain daripada yang ditawarkan oleh pihak Syarikat.
- 4.17 Pada setiap masa, Pengedar/Ahli hendaklah menjaga budi bahasa, bersikap bertimbang rasa dan tidak terlibat dalam sebarang taktik yang bersifat agresif. Sebaliknya, mereka hendaklah membentangkan produk atau perkhidmatan AmLife, atau Pelan Jualan dan Pemasaran AmLife, dengan jujur dan saksama bila dan di mana bersesuaian.
- 4.18 Pengedar/Ahli tidak boleh bertindak melebihi skop yang dibenarkan oleh Syarikat. Sebarang aktiviti sedemikian akan dianggap sebagai pelanggaran Kod.



- 4.19 Pengedar/Ahli hanya boleh menggunakan laman web yang dicipta oleh AmLife, laman web korporat AmLife dan alat-alat pembangunan web yang dihasilkan oleh AmLife apabila mempromosikan produk atau perkhidmatan Syarikat melalui internet. Di samping itu, Pengedar/Ahli dibenarkan mencipta laman web generik yang mengetengahkan peluang perniagaan Syarikat. Laman generik ini tidak boleh mengandungi tanda dagangan Syarikat atau bahan lain yang dilindungi hak cipta, dan ia juga tidak boleh mengandungi maklumat mengenai Syarikat, produk atau perniagaannya, atau gambar produk atau kemudahan korporat/kakitangan. Sekiranya syarat ini gagal dipatuhi, Syarikat mungkin mengarahkan Pengedar/Ahli yang ingkar untuk menyahaktifkan laman web yang melanggar dasar AmLife itu dengan segera, malah Syarikat juga boleh mengambil tindakan tatatertib yang lain terhadap Pengedar/Ahli yang berkenaan, selaras dengan keperluan Kod dan dasar Syarikat.
- 4.20 Pengedar/Ahli hendaklah menjelaskan kepada pelanggan, berdasarkan maklumat produk yang disediakan oleh AmLife, bahawa produk AmLife tidak bertujuan untuk menyembuhkan sebarang masalah kesihatan atau penyakit. Pengedar/Ahli hendaklah membimbing pelanggan atau downline tentang cara yang betul untuk menggunakan produk dan menjawab soalan-soalan mengikut prosedur yang berkenaan.
- 4.21 Pengedar/Ahli tidak boleh menuntut hak dan sekatan kawasan geografi, dan tidak boleh mendakwa bahawa mereka memiliki hak pengedaran kepada mana-mana kawasan geografi atau negara.
- 4.22 Pengedar/Ahli tidak boleh terlibat dalam sebarang aktiviti penjualan, pengimportan atau pengeksportan produk keluar dari sempadan Malaysia melalui apa-apa cara. Pengedar/Ahli mungkin perlu menjalankan perniagaannya, namun Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kos atau perbelanjaan yang berlaku atau yang didakwa berlaku berhubung dengan operasi perniagaan Pengedar/Ahli.
- 4.23 Pengedar/Ahli tidak boleh memaparkan atau menjual produk Syarikat di premis runcit dan tidak boleh memaparkan logo/papan tanda Syarikat di mana-mana tempat atau premis dan kemudahan lain yang seumpamanya tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada AmLife.
- 4.24 Pengedar/Ahli tidak boleh mengubah atau meminda, dalam apa jua cara, produk yang dibeli daripada Syarikat atau pembungkusnya, risalah, alat jualan, atau apa-apa barang lain yang dihasilkan atau dipasarkan oleh AmLife.
- 4.25 Pengedar/Ahli hanya boleh menggunakan atau mengedarkan Alat Bantu Jualan atau Kit Jualan yang telah diperiksa oleh Syarikat dan mempunyai pernyataan khusus "KANDUNGAN TELAH DIPERIKSA".
- 4.26 AmLife berhak membuat sebarang perubahan pada Kit Jualan sebagaimana yang diperlukan bagi memastikan kandungan yang bersesuaian sebelum membenarkan Kit Jualan itu ditulis dengan pernyataan yang dinyatakan di atas.
- 4.27 AmLife berhak menafikan kelulusan untuk mana-mana Kit Jualan yang dicadangkan. Sekiranya keperluan kawal selia berubah atau berlaku situasi lain yang menghendaknya berbuat demikian, Syarikat juga berhak, mengikut budi bicara mutlak, untuk mengeluarkan Alat Bantu Jualan yang sebelum ini telah diperiksa daripada pasaran.
- 4.28 Pengedar/Ahli tidak boleh melakukan aktiviti promosinya sendiri, melainkan mendapat kelulusan bertulis daripada Syarikat.
- 4.29 Pengedar/Ahli hendaklah mengisytiharkan pendapatannya dengan jujur dan membayar cukai pendapatan tahunan. Dia akan menanggung akibat sekiranya dia tidak mematuhi undang-undang atau mengelakkan daripada membayar cukai.

5. Pengenalan Diri dan Privasi

- 5.1 Ketika mula mengadakan pembentangan jualan, Pengedar/Ahli hendaklah dengan terus-terang dan jelas memperkenalkan dirinya, Syarikat, ciri-ciri produk atau perkhidmatan Syarikat, dan sebab untuk perjumpaan tersebut. Urusan dengan pengguna hendaklah dilakukan dengan cara yang sopan pada waktu yang bersesuaian. Demonstrasi atau pembentangan jualan hendaklah dihentikan apabila diminta oleh pengguna.

5.2 Melainkan janji temu dibuat terlebih dahulu, Pengedar/Ahli tidak boleh hadir di mana-mana premis bagi tujuan membuat sebarang jualan pintu ke pintu:

- 5.2.1 pada hari Ahad, sekiranya cuti umum jatuh pada hari Ahad;
- 5.2.2 pada hari Jumaat, sekiranya cuti umum jatuh pada hari Jumaat;
- 5.2.3 pada mana-mana hari cuti umum; dan
- 5.2.4 pada hari-hari lain di antara waktu tengah malam hingga 9 pagi, dan di antara pukul 7 petang hingga tengah malam.

5.3 Pengedar/Ahli hendaklah menunjukkan kad kuasa yang dikeluarkan oleh Syarikat dan mengandungi butiran berikut:

- 5.3.1 nama dan alamat Pengedar/Ahli;
- 5.3.2 nama, alamat dan nombor telefon AmLife;
- 5.3.3 tandatangan orang yang diberi kuasa oleh AmLife yang mengeluarkan kad kuasa tersebut;
- 5.3.4 nombor lesen perniagaan jualan langsung tersebut; dan
- 5.3.5 gambar Pengedar/Ahli berkenaan, yang perlu mematuhi keperluan berikut:-
 - (i) saiz gambar hendaklah berukuran 3.8 cm x 3.2 cm tanpa sempadan;
 - (ii) muka penuh Pengedar/Ahli hendaklah dipaparkan, dan jarak dari dagu ke bahagian atas kepala tidak kurang daripada 2.54 cm dalam kedudukan menegak; dan
 - (iii) gambar Pengedar/Ahli hendaklah diambil tanpa berselubung; namun mana-mana Pengedar/Ahli yang biasanya memakai penutup kepala/tudung mengikut keperluan agama atau budayanya boleh mengambil gambar dengan memakai penutup kepala/tudung, dengan syarat penutup kepala/tudung itu tidak menyembunyikan raut wajahnya.

5.4 Pengedar/Ahli hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi segala maklumat peribadi yang diberikan oleh pengguna.

6. Skim Piramid

6.1 Bagi tujuan Kod ini, skim piramid atau skim berantai tanpa penghujung dianggap boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Kod ini. AKTA JUALAN LANGSUNG DAN SKIM ANTI-PIRAMID 1993 (AKTA 500) akan menentukan sama ada skim piramid atau skim berantai tanpa penghujung itu melanggar Kod mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

6.2 Amlife akan memberi ganjaran kepada Pengedar/Ahli berdasarkan jualan produk, termasuk perkhidmatan, yang dibeli oleh mana-mana individu untuk penggunaan atau pengambilan sebenar. Ganjaran sedemikian mungkin dibuat berdasarkan jualan dan penggunaan peribadi oleh Pengedar/Ahli dan downline mereka.

6.3 Pengedar/Ahli tidak boleh menjana pendapatan dengan merekrut peserta lain ke dalam sistem jualan.

7. Pembelian Inventori

7.1 Sama ada dalam risalah perekrutan, manual jualan mahupun kontrak dengan Pengedar/Ahli, pelan pemasaran AmLife yang melibatkan penjualan produk secara langsung atau tidak langsung kepada Pengedar/Ahli hendaklah mempraktikkan dan mencerminkan dasar bahawa AmLife akan membeli balik inventori yang boleh dipasarkan pada masa ini, mengikut syarat-syarat komersial yang munasabah, yang dimiliki oleh Pengedar/Ahli dan dibeli oleh Pengedar/Ahli tersebut untuk dijual semula sebelum tarikh penamatan hubungan perniagaan antara Pengedar/Ahli dengan AmLife.

7.2 Bagi tujuan Kod ini, "syarat-syarat komersial yang munasabah" hendaklah meliputi pembelian balik inventori yang boleh dipasarkan, bahan promosi, alat bantu jualan, peralatan dan kit jualan dalam tempoh enam(6) bulan dari tarikh pembelian oleh Pengedar/Ahli, dan pada kadar tidak kurang daripada 90% kos bersih asal Pengedar/Ahli ditolak pembayaran hutang dan tuntutan undang-undang, jika ada.

- 7.3 Bagi tujuan Kod ini, produk tidak boleh dianggap “boleh dipasarkan pada masa ini” sekiranya dipulangkan untuk pembelian balik selepas tempoh penggunaan komersial yang munasabah atau jika jangka hayat produk itu sudah berlalu. Malah, produk tidak boleh dianggap “boleh dipasarkan pada masa ini” sekiranya AmLife dengan jelas memaklumkan kepada Pengekar/Ahli sebelum urusan pembelian dilakukan bahawa produk itu bermusim, tidak lagi dikeluarkan, atau merupakan produk promosi khas dan tidak tertakluk kepada komitmen pembelian balik.
- 7.4 AmLife boleh mengambil inisiatif untuk memulakan sebarang penyiasatan ke atas Pengekar/Ahli. Apabila mendapati Pengekar/Ahli terlibat dalam amalan perekrutan yang bersifat palsu, mengelirukan atau menipu, AmLife boleh mengambil sebarang tindakan pembetulan yang wajar bagi memastikan mana-mana pengadu tidak menanggung kerugian kewangan yang ketara akibat perbuatan yang dilarang itu, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengarahkan Pengekar/Ahli supaya membeli balik sebarang dan semua inventori, bahan promosi, alat bantu jualan dan/atau kit jualan yang telah dibeli oleh pengadu.

8. Gambaran pendapatan

- 8.1 Berikut hendaklah dianggap sebagai “gambaran pendapatan” di bawah Kod ini:-
- 8.1.1 Apa-apa dakwaan lisan, bertulis atau visual yang menyampaikan, secara tersirat atau tersurat:
- Tahap tertentu atau anggaran jualan sebenar atau jualan yang berpotensi; atau
 - Pendapatan atau keuntungan kasar atau bersih, termasuk tetapi tidak terhad kepada gambaran tersirat atau tersurat yang mencadangkan bahawa pembelian gaya hidup – termasuk rumah, kenderaan, percutian dan sebagainya – berkait dengan pendapatan yang diperolehi.
- 8.2 Sebarang pernyataan, gambaran atau senario hipotetikal yang menyebabkan bakal Pengekar/Ahli membuat kesimpulan munasabah mengenai sesuatu tahap pendapatan minimum yang mampu diperolehi.
- 8.3 Sebarang carta, jadual atau pengiraan matematik yang menunjukkan kemungkinan pendapatan, jualan sebenar atau yang berpotensi, atau keuntungan kasar atau bersih berdasarkan gabungan beberapa pembolehubah.
- 8.4 Bahan pemasaran atau pengiklanan yang menggambarkan atau menjanjikan dengan jelas jumlah pendapatan yang berpotensi, atau gaya hidup berasaskan kemewahan, yang boleh dinikmati oleh Pengekar/Ahli.
- 8.5 Sebarang anugerah atau pengumuman ganjaran yang menggambarkan pendapatan mana-mana Pengekar/Ahli pada masa ini atau masa lalu. Insentif jualan, percutian atau mesyuarat, dan/atau komisen, override, bonus atau ganjaran lain, tidak boleh dianggap sebagai gambaran pendapatan melainkan ia disertai dengan petunjuk khusus mengenai nilainya.
- 8.6 Pengekar/Ahli hendaklah mematuhi piawaian berikut:
- 8.6.1 Gambaran pendapatan dan angka jualan hendaklah benar, tepat dan dibentangkan dengan cara yang tidak bersifat palsu, menipu atau mengelirukan.
- 8.6.2 Pengekar/Ahli sedia ada dan bakal Pengekar/Ahli hendaklah diberikan maklumat yang secukupnya supaya mereka faham bahawa:-
- Pendapatan sebenar boleh berubah dengan ketara, bergantung pada masa yang diluahkan, tahap kemahiran dan faktor lain;
 - Bukan semua orang akan mencapai tahap pendapatan yang digambarkan; dan
 - Jumlah tersebut adalah jumlah sebelum pengiraan perbelanjaan, jika ada
- 8.6.3 Pengekar/Ahli sedia ada dan bakal Pengekar/Ahli hendaklah diberikan maklumat yang secukupnya supaya mereka dapat membuat penilaian yang munasabah mengenai peluang untuk memperolehi pendapatan tersebut.
- 8.6.4 Sekiranya komisen atau pembayaran bonus Pengekar/Ahli yang tertentu dimasukkan dalam gambaran pendapatan, sebarang pengagihan bayaran tersebut kepada orang lain dalam organisasi jualan hendaklah didedahkan atau ditolak daripada angka yang digunakan.
- 8.6.5 Sebarang gambaran jualan dan pendapatan hendaklah direkodkan dan disahkan. Pengekar/Ahli hendaklah menyimpan rekod dan pengesahan tersebut serta mengemukakannya kepada AmLife apabila diminta secara bertulis.

8.7 Bagi menilai sama ada sesuatu gambaran pendapatan melanggar Kod atau tidak, Amlife akan mempertimbangkan segala fakta dan maklumat yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada faktor-faktor yang digariskan dalam bahagian ini.

9. Pembelian Inventori

9.1 Pengedar/Ahli tidak boleh meminta atau menggalakkan bakal Pengedar/Ahli supaya membeli inventori dalam jumlah yang tidak wajar, iaitu melebihi jumlah yang dijangka boleh dijual semula dan/atau digunakan oleh Pengedar/Ahli dalam tempoh masa yang munasabah.

9.2 Pengedar/Ahli hendaklah mengambil langkah-langkah yang jelas dan wajar bagi memastikan bahawa Pengedar/Ahli mengambil, menggunakan atau menjual semula produk dan perkhidmatan yang telah dibeli.

9.3 Pengedar/Ahli dianggap melakukan amalan perekrutan yang tidak adil dan mengelirukan sekiranya mereka meminta atau menggalakkan bakal Pengedar/Ahli supaya membeli inventori atau alat bantu jualan dalam jumlah yang tidak munasabah. AmLife boleh mengambil sebarang tindakan pembetulan yang wajar bagi memastikan mana-mana Pengedar/Ahli tidak menanggung kerugian kewangan yang ketara akibat perbuatan yang dilarang itu.

10. Latihan dan Bahan

10.1 Pengedar/Ahli hendaklah menghadiri latihan yang secukupnya bagi membolehkan mereka melaksanakan operasi perniagaan secara beretika.

10.2 Pengedar/Ahli dilarang daripada memasarkan atau meminta individu lain membeli sebarang bahan yang bertentangan dengan dasar dan prosedur AmLife. Pengedar/Ahli juga dilarang daripada memasarkan sebarang bahan yang tidak diluluskan oleh AmLife dan bertentangan dengan dasar dan prosedur AmLife.

11. Prosedur

11.1 AmLife memiliki kuasa mutlak untuk menentukan sama ada sesuatu pelanggaran Kod telah berlaku.

11.2 Sekiranya Pengedar/Ahli enggan mematuhi secara sukarela sebarang tindakan yang dikenakan oleh AmLife dan tidak perlu menjalani semakan semula oleh Panel Semakan Rayuan, Lembaga Pengarah AmLife atau bahagian yang dilantik, AmLife boleh membuat kesimpulan bahawa Pengedar/Ahli harus digantung atau ditamatkan keahliannya dalam AmLife.

11.3 Pengedar/Ahli yang telah ditamatkan keahliannya hanya boleh membuat permohonan untuk menyertai AmLife sebagai Pengedar/Ahli semula selepas dua belas (12) bulan dari tarikh penamatannya.

11.4 Pengedar/Ahli yang telah ditamatkan keahliannya tidak lagi berhak secara automatik untuk menerima manfaat, manakala status keahliannya dan organisasi downlinenya akan dipindahkan kepada Penaja lang sungnya yang aktif.

11.5 AmLife berhak memansuhkan manfaat dan/atau bonus Pengedar/Ahli yang ingkar itu.

11.6 Pengedar/Ahli yang telah ditamatkan keahliannya itu tidak akan dibenarkan untuk menyertai, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebarang aktiviti yang dianjurkan oleh Amlife atau mana-mana Pengedar/Ahli. Dia juga hendaklah mengelakkan diri daripada bertindak sebagai Pengedar/Ahli Amlife dan tidak boleh terlibat dalam apa-apa tindakan yang boleh merugikan, mempengaruhi dan memecahbelahkan atau berpotensi merosakkan imej Syarikat atau membawa pengaruh negatif terhadap mana-mana Pengedar/Ahli atau kakitangan lain.

12. Pindaan

- 12.1 Kod ini boleh dipinda oleh Amlife dari semasa ke semasa tanpa notis selanjutnya kepada Pengedar/Ahli.
- 12.2 Dari semasa ke semasa, Pengedar/Ahli hendaklah membuat semakan dengan pejabat AmLife untuk mengetahui versi terkini Kod.

13. Indemniti


- 13.1 Pengedar/Ahli hendaklah membayar ganti rugi atau membayar pampasan penuh kepada AmLife berikutan sebarang kerosakan atau kerugian yang berlaku atau yang ditanggung oleh AmLife akibat tindakan Pengedar/Ahli.

14. Peraturan dan Undang-undang

- 14.1 Pengedar/Ahli dikehendaki mematuhi sepenuhnya dan akur dengan dasar dan prosedur AmLife, termasuk tetapi tidak terhad kepada Peraturan dan Undang-undang Syarikat.
- 14.2 Ketidakpatuhan kepada dasar dan prosedur Amlife, termasuk tetapi tidak terhad kepada Peraturan dan Undang-undang, akan dianggap sebagai pelanggaran Kod.



Am Life International Sdn Bhd

www.amlife.com.my  Amlife2u